

Kertas kerja kemahiran individu, badan2 dipinta

Rumusan akan dibuat setelah mesyuarat diadakan

URUSETIA Majlis Seni Reka dan Sukan Tradisional (Massutra) sedang dalam proses mendapatkan dan mengumpukan kertas-kertas kerja dari anggota-anggota pendirinya dan seniman-seniman di dalam badan sendiri itu serta seniman-seniman yang bakal diresapkan ke dalam Massutra.

Sejauh ini pihak urusetia telah menerima tiga kertas kerja, iaitu satu dari sebuah badan dan dua lagi dari seniman.

Musyawaharah

Bagaimanapun, Penolong Setiausaha Agung Urusetia Massutra, Encik Arif Haji Zahari, enggan menerangkan si apakah yang telah memberikan kertas kerja mereka itu.

Beliau selanjutnya berkata bahawa dua orang seniman telah diresapkan ke

dalam Massutra, mereka ialah pelukis S. Mohdir atau Haji Syed Mohamed Abdul Kadir dan pembuat tembikar tempatan, Encik Iskandar Jaaili. 29 MAY 1985

Setiap anggota sendiri, seniman di dalam badan sendiri dan seniman-seniman yang terlibat, diperlukan menyatakan keupayaan mereka di dalam kertas kerja itu mengenai bidang-bidang kemahiran masing-masing.

Apabila semua kertas kerja itu sudah diperolehi, maka satu musyawarah akan diadakan untuk membincangkan dan merumuskan kandungan kertas-kertas kerja tersebut. (KEMENTERIAN)

Anggota-anggota sendiri Massutra ialah Perses, Persisj dan Fedegasi.

Encik Arif berkata: "Perses, umpamanya, haruslah menyiapkan kertas kerja dan menyatakan apakah bahan-bahan yang hendak ditunjukkan.

"Ia juga hendaklah menyatakan apakah itu takraw dan raga dan aspek-aspeknya." Begitulah seterusnya dengan anggota-anggota lain.

Ekoran dari semua kertas kerja dan keputusan rumusan yang diambil ialah sebuah pameran kecil yang bakal diadakan.

Bagaimanapun, bila dan di mana pameran itu akan diadakan belum dapat dipastikan buat masa ini, jelas Encik Arif.

Menyentuh tentang penyerapan itu, beliau berkata bahawa pihaknya juga telah menghubungi beberapa pihak lain seperti para pemain dan pembuat jong atau layang-layang dan wau.

Tertarik hati

Kerana bidang sukan jong tidak ada persatuan, maka pendekatan dibuat secara orang perseorangan. Ini berbanding dengan peminat dan pembuat layang-layang yang mempunyai persatuan, iaitu Persatuan Layang-layang Singapura (SKA).

Secara lisan mereka telah menyatakan tertarik hati. Jika ini adalah benar dan mereka itu bersungguh-sungguh, maka mereka boleh menghubungi beliau di telefon nombor 7453941.